

# Penganggur didenda RM1,200 gara-gara melakukan khianat

**KUCHING:** Seorang penganggur lelaki didenda RM1,200 atau tiga bulan penjara di Mahkamah Majistret, semalam akibat melakukan khianat dengan memecahkan cermin tingkap di dapur dan mencabut jeriji besi tingkap.

Majistret Zubaidah Sharkawi menjatuhkan hukuman itu terhadap Farhan Marzukie, 34, yang mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan.

Fakta kes mendedahkan ibu tertuduh (pengadu) mendapati anaknya (tertuduh) mengamuk di rumah mereka di Taman Allamanda, Jalan Matang di sini pada 24 Februari 2024 sekitar jam 7 malam.

Pada waktu kejadian juga, tertuduh memecahkan cermin tingkap di dapur serta mencabut jeriji tingkap dan keadaan ini menakutkan pengadu serta suaminya sehingga mereka terpaksa keluar dari rumah.

Beberapa hari kemudian iaitu pada 25 Februari 2024 sekitar jam 9 pagi, pengadu serta suaminya balik ke rumah dan mendapati cermin tingkap dapur pecah, barang-barang di dapur berselerak dengan jeriji besi tingkap hilang.

Pengadu membuat laporan polis yang kemudiannya membawa kepada penangkapan tertuduh pada 1 Mac 2024.

Hasil siasatan mendapati tertuduh mengamuk dan memecahkan cermin dapur kerana hendak membuka besi gril tingkap dengan tujuan untuk menjualnya.

Selain itu, tertuduh dilaporkan sering menjual barang perkakas yang berharga di dalam rumah bagi mendapatkan duit untuk membeli bahan terlarang (dadah).

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiq Nyaie sementara tertuduh tidak diwakili peguam.